



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 22 OKTOBER 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---------------------------------------|---|---|
| 1. | 500 PENDUDUK SANDAKAN TERIMA BANTUAN MAFI, KOMUNITI KITA, UM -33 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. 3. | SEVEN TO RECEIVE OYSTER FARMING TRAINING, HOME, BORNEO POST (KK) -6 BELUM BOLEH CARI KERANG DI SUNGAI GETING, NEGERI KELANTAN, SH -25 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 4. 5. | PPK MADA TERIMA 80,263 BEG BENIH PADI, NASIONAL, BH -24 MADA TERIMA HAMPIR SEPARUH BENIH PADI, NEGERI KEDAH, SH -28 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 6. 7. | MEREKA MINTA PERHATIAN KHUSUS, MUKA DEPAN, SH -1 SEKTOR PERTANIAN PERLU DIBERI KEUTAMAAN, MENJELANG BAJET 2022, SH -2 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 8. | LEBIH BANYAK PROJEK HILIRAN KEPADA NELAYAN, MENJELANG BAJET 2022, SH -2 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 9. 10. 11. 12. 13. 14. | 12 PBT DIPERUNTUK RM2.8 JUTA LAKSANA GERAK, NEGERI KELANTAN, SH -25 UNISZA TUMPU KAJIAN PEMBIAKBAKAAN JAGUNG, NEGERI KELANTAN, SH -25 TAMBAH PERUNTUKAN MODAL KERJA KEPADA PENTERNAK, MENJELANG BAJET 2022, SH -2 HARGA RACUN MAHAL, LOKAL, HM -22 KONTRAKTOR MAMPU HASIL 60 TAN CILI SEMUSIM, DALAM NEGERI, UM -31 'CONSULT NEIGHBOURS FIRST BEFORE STARTING COMMUNITY GARDEN', NEWS, THE STAR -3 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-----------------|---------------|------------|
| 22/10/2021 | UTUSAN MALAYSIA | KOMUNITI KITA | 38 |



500 penduduk Sandakan terima bantuan MAFI Prihatin

SERAMAI 500 orang penduduk di tiga pulau di Sandakan, Sabah menerima bantuan bakul makanan menerusi program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), baru-baru ini.

Penerima sumbangan itu terdiri daripada penduduk yang terjejas akibat pandemik Covid-19 di Pulau Kaniogan, Beluran; Pulau Bukit Besi dan Pulau Tatabuan.

Pemberian sumbangan MAFI Prihatin yang dikendalikan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) itu disampaikan oleh Menteri Pertanian dan

Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berharap sumbangan tersebut dapat meringankan beban penduduk yang terkesan semasa pandemik ini.

Sehingga 9 Oktober, program MAFI Prihatin di Sabah telah memberi manfaat kepada 1,113 orang di tujuh lokasi dengan nilai bantuan berjumlah RM 81,000.

■ **RONALD** Kiandee (kiri) menyampaikan bantuan bakul makanan menerusi MAFI Prihatin di Beluran, Sabah baru-baru ini.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Seven to receive oyster farming training | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 22 Oct 2021 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 6 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 316 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,762 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,286 |



Seven to receive oyster farming training

KOTA KINABALU: Repsol Oil & Gas Malaysia Limited (Repsol Malaysia) launched a new social investment programme in Sabah on Thursday in collaboration with the Department of Fisheries Sabah (DOFS) to develop and sponsor seven participants from the B40 category at Kampung Lentucong in Tuaran for an oyster farming programme.

The collaboration will witness Repsol sponsoring the costs of purchasing farm materials, participants' farm wear and tools as well as finance the launching and closing ceremonies to a total sum of RM106,000.

DOFS will offer each participant a two-acre farming lot each in the oyster-rich Mengkabong bay fronting Kampung Lentucong here where they will be taught theory and hands-on skills on oyster farming method, technical advices and systematic harvesting and marketing inputs.

Director of Fisheries, Godfery Kiskey, speaking at the launching ceremony on Thursday said that his department was committed in uplifting the economic standing of the B40 community and he



The participants (front row) with Godfery (standing, third left), Eddie (fourth left) and other guests.

thanked Repsol for joining hands in the effort through the latter's corporate social responsibility programme.

"We welcome the help from the other parties such as this one from Repsol so that these B40 targeted groups can also enjoy

the benefits of development which is espoused by the government," he added.

He really hoped that this oyster farming project would place the participants on a good footing to become capable and competitive agropreneurs so as

to earn a substantive income for themselves.

Godfery pointed out that this Repsol-sponsored oyster farming project at the Mengkabong Bay was in line with the Fisheries Department's desire to target and develop the bay into a primary

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Seven to receive oyster farming training | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 22 Oct 2021 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 6 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 316 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,762 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,286 |

oyster production hub in Sabah and Malaysia in general.

According to Godfery further, a total of 109.3 metric tonnes (MT) were harvested in 2020 at a value of RM546,520 in Sabah from which 108.3 MT was from Tuaran district, involving 166 producers.

Repsol Malaysia's Senior Manager for Stakeholder Relations, Ahmad Fakhurrrazi Arshad in his speech said they were excited to know that the site of this joint project was located in the oyster hub known for its high quality.

"This announcement strengthens our move to sponsor the participants in this oyster farming project and logically has no reason to fail," he added optimistically.

In congratulating the seven selected participants, Ahmad advised them to stay committed and be responsible in developing and expanding their enterprise so that this could become a sustainable income for themselves and their families.

Under the memorandum of collaboration (MoC) signed between Repsol and DQES at

the ceremony, the department will conduct induction course and hold engagement sessions and monitor the project for at least 18 months to evaluate the participants' performance.

The signatories to the MoC were Godfery (Fisheries' main signatory), witnessed by Azhar Kassim (Fisheries' deputy director) while Repsol was represented by Ahmad Fakhurrrazi (main signatory) and Datuk Eddie Abdullah (as a witness).

As an incentive to the participants, Repsol is offering cash prizes of RM1,000, RM700 and RM500 to the top three participants at the project's closure.

Ahmad reiterated that the long-term objective is to create a group of oyster producers who can independently manage a micro enterprise which is enduring and forward driven into the years ahead.

The seven selected participants are Haraney binti Sabli, Norzilah binti Abdullah, Norsila binti Zaini, Korina binti Drah, Mahali bin Marusin, Jainal bin Durahman and Peledin bin Mintoh.

Belum boleh cari kerang di Sungai Geting

Kerajaan Kelantan masih menunggu laporan hasil siasatan jabatan perikanan tahap pencemaran.

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Kerajaan Kelantan masih 'membekukan' aktiviti mencari spesies kerang-kerangan di kawasan Sungai Geting. Tumpat buat masa ini selepas ia didapati tercemar.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembekuan itu bagi membolehkan Jabatan Perikanan Kelantan menjalankan siasatan lanjut berhubung tahap pencemaran ke atas kerang-kerangan di kawasan berkenaan. "Kita sedang menunggu laporan penuh berhubung siasatan itu. Sebagai langkah selamat kita masih belum memberikan kebenaran kepada penduduk untuk berbotan demakian," katanya pada majlis perasmian Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Kelantan di Taman Rekreasi Bukit Gedombak di sini pada Khamis.

Hadir sama, Timbalan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Abdul Azziz Kadir dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Wandi Yacizid Yaakob.

Menurutnya, langkah itu bagi mengelakkan orang ramai mendapat kesan sampingan jika termakan atau membeli



Tuan Mohd Saripudin (tengah dari kanan) menemani pejabat sebagai pembekukan persediaan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Kelantan di Taman Rekreasi Bukit Gedombak, Pasir Putih pada Khamis.

12 PBT diperuntuk RM2.8 juta laksana GeRAK

membuat permohonan untuk menyertainya.

Beliau berkata, program GeRAK antara lain bertujuan mengurangkan pelepasan karbon menerusi projek kitar semula, penarikan *black soldier fly* (BSF) dan penggunaan lampu solar LED.

"Bagi memastikan program berkenaan seterusnya memenuhi objektifnya Green Tech Malaysia akan bekerjasama dengan PBT-unik di setiap ibu negeri dan kawasan bandar utama di seluruh negara termasuk di Kelantan," katanya.

satu kenyataan memaklumkan orang ramai dilarang memungut, menjual atau memakan spesies kerang-kerangan seperti trani, lokan, kepah dan lala di perairan Sungai Geting. Tumpat kerana dicemari toksin saraf atau *saxitoxin* daripada alga berbahaya iaitu *Alexandrium minutum*.

UniSA tumpu kajian pembiakbakaan jagung

KUALA NERUS - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSA) melalui Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) memberi tumpuan terhadap kajian pembiakbakaan tumbuhan khususnya berkaitan industri jagung.

Pensyarah FBIM, Dr Fahmi Abu Bakar berkata, inisiatif ini diambil menerusi kerjasama dengan beberapa Insititusi penyelidikan dan pengajian tinggi yang berpusat di Mexico.

Beliau berkata, beberapa siri perbincangan bersama institusi di Mexico telah diadakan pada September dan Oktober 2021.

"Kerjasama ini melibatkan penyelidikan dan pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang pembiakbakaan tumbuhan terutamanya jagung dan beberapa jenis tanaman lain.

"Antara institusi terlibat ialah The International Maize and Wheat Improvement Center (CIMMYT), Colegio de Postgraduados en Ciencias Agricolas (COLPOS) dan Universidad de Guadalajara.

"Ia turut dihadiri wakil Pusat Antarabangsa UniSA dan Pengarah Green World Genetics (GWG) yang merupakan antara industri utama terlibat dalam pembangunan biji benih dan penyelidikan berkaitan jagung di dunia," katanya.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, perbincangan awal mengenai kerjasama itu telah dihadiri wakil organisasi terlibat termasuk Ahli Jawatankuasa Jaringan FBIM sebagai urusetia program.

"Dalam sesi perbincangan ini, kesemua pihak bersejajar untuk mengadakan beberapa aktiviti yang boleh diadakan dalam tempoh terdekat," jelasnya.



Hasil tanaman berasaskan jagung yang djalat di Kuala Bering, Hulu Terengganu merupakan sumber makanan yang mendapat sambutan di pasaran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|----------|------------|
| 22/10/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 24 |

PPK MADA terima 80,263 beg benih padi

Alor Setar: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sudah menerima 80,263 atau 48.8 peratus beg benih padi sah (BPS) daripada 164,602 BPS yang dipesan sehingga Selasa.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, berkata pengedaran BPS rancak dilaksanakan pada peringkat lapangan oleh PPK MADA dengan sejumlah 63,365 beg atau 78.9 peratus sudah diedarkan kepada pesawah.

"Kawasan tanaman padi asal MADA seluas 96,558 hektar memerlukan 13,518 tan BPS atau 675,906 beg untuk penanaman musim 2/2021. Baki kira-kira 511,000 lagi akan dipasarkan secara pasaran terbuka," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Selasa lalu, Badan Bertindak Petani MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada PPK sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis dan masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan, selain tiada penyelesaian diam-

bil kerajaan.

Ahmad Tarmizi berkata, proses menabur benih padi di kawasan MADA dibahagikan kepada tiga fasa yang bermula pada 15 September lalu bagi fasa satu dan tarikh akhir menabur pada 15 Oktober, diikuti fasa dua bermula 25 September hingga 25 Oktober dan fasa tiga pada 5 Oktober hingga 4 November.

Beliau menjelaskan, keperluan BPS untuk ketiga-tiga fasa penanaman juga berbeza dan bergantung kepada keluasan tanaman setiap fasa iaitu fasa satu (225,162 beg), fasa dua (212,618 beg) dan fasa tiga (238,162 beg).

Penetapan jadual penanaman padi MADA, katanya, adalah berdasarkan beberapa faktor, termasuk ramalan sumber air sepanjang tahun, iaitu membabitkan kuantiti air hujan di kawasan sawah, aliran masuk ke takungan empangan, aliran sungai dan penggunaan air saliran.

"Faktor lain, MADA turut mengambil kira ramalan pencapaian aktiviti penuaian musim lalu, kemampuan pengairan sedia ada, varieti dan tempoh matang padi serta masalah penyakit dan perosak," katanya.



Ahmad Tarmizi

MADA terima hampir separuh benih padi

Jumlah keseluruhan keperluan benih padi sah adalah 675,906 beg di kawasan tanaman padi asal MADA

Oleh NURUL-HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Sebanyak 48.8 peratus daripada 164,602 beg benih padi sah (BPS) yang dipesan telah diterima Pertubuhan Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk diagihkan kepada petani sehingga Selasa lepas.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman memberitahu, jumlah keseluruhan keperluan BPS adalah 675,906 beg di kawasan tanaman padi asal MADA setuas 96,558 hektar bagi penanaman musim 2/2021.

Beliau menjelaskan, sehingga 19 Oktober 2021, sebanyak 164,602 beg BPS telah dipesan oleh PPK MADA daripada keperluan keseluruhan 675,906 beg BPS.

"Daripada jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak 80,263 beg BPS

atau bersamaan 48.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pesanan telah diterima PPK MADA

"Aktiviti pengedaran BPS rancak dilaksanakan di peringkat lapangan PPK MADA dengan sejumlah 63,365 beg BPS telah di- edarkan kepada peladang," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, katanya, jumlah ini bersamaan dengan 78.9 peratus daripada jumlah penerimaan sebanyak 80,263 beg BPS oleh PPK. Tambah beliau, baki 511,004 beg BPS lagi dipasar di pasaran terbuka.

Dalam perkembangan lain, katanya, pihak MADA telah mengambil tindakan awal untuk memastikan aktiviti penanaman tidak tergendala.

"Antaranya mengadakan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama pihak pengeluar BPS untuk Kawasan Muda pada 18 Ogos 2021 dan 17 Oktober 2021, selain perbincangan bersama pihak Kawal Selia Padi dan Beras Negeri Kedah," katanya.

Katanya, pemantauan berkala pembekalan BPS iaitu di peringkat pengeluar/pemborong, peringkat makmal Jabatan Pertanian Malaysia dan di peringkat PPK sendiri turut dilaku-

kan MADA.

Menurutnya, keluasan aktiviti menabur (bertanam) untuk musim 2/2021 dibahagikan kepada tiga fasa penanaman iaitu fasa 1 bermula 15 September 2021, fasa 2 (25 September 2021) dan fasa 3 (5 Oktober 2021).

Jelas Ahmad Tarmizi, tarikh akhir menabur bagi fasa 1 dan 2 adalah pada 15 dan 25 Oktober 2021 manakala bagi fasa 3 pula adalah pada 4 November 2021.

"Keperluan BPS untuk ketiga-tiga fasa penanaman ini juga berbeza dan bergantung kepada keluasan bertanam setiap fasa dengan fasa 1, 2 dan 3 masing-masing memerlukan sebanyak 225,162 beg, 212,618-beg dan 238,126 beg BPS," katanya.

Ketika mengulas penetapan Jadual Penanaman Padi MADA, katanya, ia dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor termasuk ramalan sumber air sepanjang tahun, ramalan pencapaian aktiviti penuaian musim lepas, kemampuan pengairan sedia ada, varieti dan tempoh matang padi serta mengambil kira masalah penyakit dan pe-




AHMAD TARMIZI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|------------|------------|
| 22/10/2021 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

MENJELANG BAJET 2022 ↑↑

MEREKA MINTA PERHATIAN KHUSUS

- Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) berharap kerajaan memberi tumpuan meningkatkan projek hiliran kepada nelayan sambil dapat meneruskan pemberian elaun sara hidup kepada golongan itu.
- Bagi menjamin industri makanan negara tidak menghadapi masalah, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mahu kerajaan tidak mengabaikan sektor pertanian terutamanya dalam tempoh negara sedang menuju ke fasa endemik Covid-19.
- Dalam pada itu, Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) pula meminta kerajaan menambah peruntukan untuk modal kerja kepada penternak bagi membolehkan mereka dapat beroperasi mengikut kapasiti yang diperlukan negara.



Lebih banyak projek hiliran kepada nelayan

SHAH ALAM

Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) berharap kerajaan memberi keutamaan untuk meningkatkan projek hiliran kepada masyarakat nelayan dalam Bajet 2022 yang bakal dibentangkan tidak lama lagi.



ABDUL HAMID

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari berkata, dengan pertambahan peruntukan untuk projek itu ia diharapkan berupaya membantu golongan berkenaan meningkatkan pendapatan.

"Harapan besar kita supaya nelayan diberi keutamaan dalam memastikan projek-projek hiliran ditingkatkan kepada golongan ini terutamanya isteri nelayan.

"Kerajaan perlu meningkatkan pinjaman mudah kepada golongan ini supaya mereka dapat membantu suami menjana pendapatan tambahan.

"Contohnya bagi mereka yang buat (projek) keropok atau perniagaan yang berasaskan makanan. Mereka pastinya memerlukan suntikan modal untuk melebarkan perniagaan dan sebagainya," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Mengulas lanjut, Abdul Hamid berkata, pada masa sama beliau berharap elaan sara hidup kepada golongan nelayan akan diteruskan.

Beliau berkata, elaan bulanan berjumlah antara RM200 hingga RM300 sebulan itu berjaya meringankan beban hampir 40,000 nelayan di seluruh negara.

"Selain itu, kita juga berharap pemberian subsidi minyak oleh kerajaan juga dapat diteruskan," ujarnya.

Sektor pertanian perlu diberi keutamaan

Harap Bajet 2022 diumumkan secara menyeluruh kepada warga peladang, penternak dan nelayan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) berharap sektor pertanian khususnya jaminan bekalan makanan diberi keutamaan dalam Bajet 2022 yang akan dibentangkan tidak lama lagi.

Pengerusi Jemaah Pengarahnya, Datuk Zamri Yaakob berkata, ia penting bagi memastikan industri makanan negara terjamin terutamanya dalam tempoh negara sedang menuju ke fasa endemik Covid-19.

"Adalah menjadi harapan Nafas agar Bajet 2022 diumumkan secara menyeluruh kepada warga peladang, penternak dan nelayan seluruh negara.

"Fokus yang lebih serius perlu diberikan kepada sektor ini memandangkan ia merupakan industri penting negara.

"Jadi sudah pasti kita mengharapkan peruntukan yang lebih banyak diberikan oleh kerajaan kepada sektor ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.



Sektor pertanian penting bagi memastikan industri makanan negara kekal berdaya maju.



ZAMRI YAAKOB

Mengulas lanjut, Zamri berkata, sebagai sebuah institusi yang meneraju pergerakan pertumbuhan peladang, pihaknya sentiasa memberi komitmen dalam memperkasakan fungsi untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan dinamik.

Selain itu, katanya, Nafas terus terlibat aktif dalam keseluruhan rantaian nilai industri pada negara, meneroka

aktiviti nilai tambah dan hiliran khususnya dengan teknologi moden dan digital agar produktiviti dimaksimumkan serta pendapatan dipertingkatkan.

"Nafas sentiasa menyokong apa juga usaha untuk terus memperkasakan pertumbuhan peladang menjadi entiti yang berdaya maju dalam industri agro makanan negara," katanya.

Tambahnya, Nafas di peringkat nasional kini dianggotai oleh 14 buah pertumbuhan peladang negeri, 279 buah pertumbuhan peladang kawasan dan hampir satu juta ahli seluruh negara.



Tambah peruntukan modal kerja kepada penternak

SHAH ALAM - Kerajaan disaran supaya menambah peruntukan untuk modal kerja kepada penternak dalam Bajet 2022 bagi membolehkan mereka dapat beroperasi mengikut kapasiti yang diperlukan negara.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, ini kerana rata-rata penternak berhadapan dengan modal yang terhad susulan pandemik Covid-19.

Jelasnya, disebabkan pandemik itu, penternak berhadapan dengan pelbagai kekangan terutamanya kenaikan harga barang.

"Jadi, untuk bantu rakyat dan dalam masa sama memastikan makanan yang diperlukan negara mencukupi, penternak memerlukan pinjaman yang lebih besar tetapi dengan faedah yang rendah.

"Ini kerana, kita sedia maklum Covid-19 telah mengakibatkan harga barang naik dengan mendadak contohnya dedak ayam, anak ayam dan sebagainya.

"Kalau dulu, dengan peruntukan modal yang diberikan, penternak mampu menyediakan kuota ayam untuk keperluan negara tetapi disebabkan masalah ini kita tidak mampu sediakan jumlah yang sama," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 22/10/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |

Harga racun mahal

Tanjong Karang: Golongan petani menjalankan penanaman padi di Sawah Semipadan di sini, mendakwa terbeban berikutan kenaikan harga racun susulan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak Jun lalu.

Petani mendakwa terpaksa membeli racun dengan harga tidak munasabah, sekali gus menjejaskan pendapatan mereka.

Ismail Sakun, 74, mendakwa racun lima liter dijual pada masa ini berharga RM300 berbanding RM145 sebelum ini.

Katanya, keadaan turut diburukkan lagi dengan hasil pengeluaran padi dan pendapatan petani semakin

merudum, sekali gus membebankan mereka.

“Peniaga memberi alasan ada beberapa faktor kenaikan harga racun di pasaran antaranya harga sentiasa meningkat. Contohnya, jika tidak dibeli hari ini, mungkin ia akan naik pada kesokan hari.

“Malah, peningkatan kos minyak dan pengangkutan dijadikan alasan bagi membolehkan peniaga menjual racun dengan harga mahal,” katanya.

Beliau berkata, situasi itu turut menambah resah buat petani apabila hasil tanaman padi musim ini diserang bena perang dan ulat batang.

| | | | |
|---------------|-----------------|----------------|-------------------|
| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| 22/10/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

Kontraktor mampu hasil 60 tan cili semusim

PADANG BESAR: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan pandemik Covid-19 sebelum ini memberi kesan kepada sesiapa sahaja termasuk golongan kontraktor yang tidak ada sebarang 'projek' dalam tempoh berkenaan.

Namun, bagi Muhamad Hamim Mohd. Hanipa, 30, yang berpengalaman melaksanakan kerja-kerja binaan sejak 10 tahun lalu, sama sekali tidak berputus asa berhadapan dengan situasi berkenaan apabila mencuba bidang baharu mengusahakan projek tanaman cili fertigasi sejak Januari lalu.

Berkat usaha gigih anak muda yang berasal dari Guar Sanji, Arau itu, tanaman pokok cili menggunakan teknologi sistem fertigasi di kawasan seluas 3.5 hektar di Sungai Chuchuh di sini sudah membuahkan hasil.

Muhamad Hamim berkata, dia yang dibantu lima orang peker-

ja menanam sebanyak 30,000 pokok cili dan setiap musim iaitu dalam tempoh lima bulan mampu menghasilkan sekitar 60,000 kilogram atau 60 tan metrik cili merah berkenaan.

Katanya, cili berkenaan adalah untuk pasaran sekitar negeri ini dan seluruh negara termasuk kepada para pemborong serta Lembaga Pemasaran Pertanian Pertanin (FAMA).

"Masa PKP lalu, kami golongan kontraktor terkesan teruk dengan tidak ada sebarang projek ketika itu. Selepas berfikir panjang, saya menggunakan wang simpanan sebanyak RM300,000 bagi melakukan tanaman cili ini," ujarnya.

Dalam pada itu kata beliau, lambakan cili import boleh menjejaskan petani tempatan khususnya daripada segi permainan harga. Muhamad Hamim menyasarkan untuk menambah 30,000 lagi pokok cili dalam tempoh terdekat.



MUHAMAD Hamim Mohd. Hanipa melihat cili merah yang sudah masak di kawasan tanaman menggunakan teknologi sistem fertigasi di kawasan seluas 3.5 hektar di Sungai Chuchuh, Padang Besar, Perlis, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|----------|---------|------------|
| 22/10/2021 | THE STAR | NEWS | 3 |



Rumaizi during a visit to the urban farm at the premises of the Tun Razak Library in Ipoh.



Dr Ng (second from left) helping Bandar Baru Tambun residents at a vegetable plot in the area. — Filepic

By ILI AQILAH
 illiaqilah@thestar.com.my

THOSE in residential areas who want to set up an urban farm or community garden should first engage with their neighbours and other residents.

Ipoh city councillor Dr Richard Ng said it was important to have prior discussions with the neighbours to avoid any untoward incidents or disagreements.

"There are many things to consider, be it a community garden project or urban farming.

"There was an incident where a resident in Tambun had set up a farm and planted some papaya trees but the trees were chopped down by certain residents who objected to the project," he said during a virtual talk on urban and community farming on social media.

"Based on my experience, it is

'Consult neighbours first before starting community garden'

important to reach out to as many residents as possible and discuss any matter before proceeding with it," he advised.

Dr Ng said he had also reached out and encouraged village chiefs, neighbourhood associations and community groups to be involved.

Ipoh mayor Datuk Rumaizi Baharin had last month announced that those interested in farming projects could submit their applications to the city council's Town Planning Department.

The Urban Community Farming Policy — a guideline to regulate urban farming in the

country — was launched in August by former Housing and Local Government minister Datuk Zuraida Kamaruddin.

Dr Ng said setting up a farming project was not easy and advised those interested to seek the advice of an expert to assist them.

"Those who are growing vegetables must be patient as it takes up to one month before they can see results," he said.

"After harvesting the crop, they have to think about the next step.

"A farm must be sustainable and should be enjoyed by everyone.

"It is not a one-time project and needs long-term commit-

ment," he added.

Ipoh City Council's (MBD) Town Planning director Mohd Zainal Abdul Hamid said they had received 18 applications since the beginning of this month.

He said 12 were for community garden and six for urban farm projects.

"With the guidelines provided by MBI, we hope to see more people in the city taking an interest in setting up community gardens.

"Not only will it allow the community to have a good supply of fresh vegetables, it also encourages bonding among residents," he added.